



**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA**

**MIDF MULAKAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA DENGAN PENYERAHAN
HAMPER KEPADA WARGA KURANG MAMPU DI TANJUNG MALIM, PERAK**

Perak, 7 Februari 2018 – Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, hari ini telah menyerahkan 100 unit hamper sempena Tahun Baru Cina kepada penduduk kurang berkemampuan di Tanjung Malim, Perak.

Majlis penyampaian hamper tersebut telah di adakan di Dewan SMJK Katholik oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II (MITI), Datuk Seri Ong Ka Chuan. Program kemasyarakatan ini merupakan sebahagian dari aktiviti tanggungjawab sosial korporat MIDF yang telah disusun atur bagi tahun 2018.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Ketua Jabatan Pembangunan Kewangan MIDF, En Azizi Hj. Mustafa. Seperti tahun sebelumnya, MIDF terus membantu golongan yang kurang berkemampuan sewaktu mereka memerlukan termasuklah waktu perayaan Tahun Baru Cina.

Salah satu keistimewaan budaya Malaysia adalah perayaan-perayaan akan disambut oleh semua rakyat Malaysia tidak mengenal bangsa serta agama dan sumbangan ikhlas kepada 100 penerima di Perak hari ini diharapkan dapat menjadikan perayaan itu lebih bermakna.

###

Mengenai MIDF

MIDF, anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad, telah ditubuhkan pada tahun 1960 dan merupakan institusi kewangan pembangunan utama di negara ini bagi tujuan memangkinkan pembangunan dan pemodenan industri pembuatan negara. Kumpulan MIDF telah berkembang menjadi entiti yang lebih kukuh dan lebih besar, menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan, Pengurusan Aset dan Pembiayaan Mezanin.

MIDF menawarkan Skim-skim pembiayaan mudah dengan kadar keuntungan pembiayaan yang rendah iaitu 4% setahun bagi syarikat bertaraf PKS manakala 5% setahun kepada syarikat bukan bertaraf PKS.

Semenjak penubuhannya pada tahun 1960, MIDF telah mencatatkan jumlah kelulusan bantuan pembiayaan berjumlah RM14.2bilion kepada 10,697 syarikat-syarikat tempatan.

Untuk tahun 2017, MIDF telah meluluskan jumlah pembiayaan berjumlah RM661.2 juta yang telah memberi manfaat kepada 237 buah syarikat.

Bagi tahun 2018 ini pula, MIDF telah menyediakan dana sebanyak RM800juta untuk syarikat syarikat tempatan, yang mana RM500juta adalah bagi tujuan mengautomasi kilang di bawah sektor pembuatan dan RM200juta bagi usahawan-usahawan di bawah sektor perkhidmatan.

###

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Norazlan Zakaria / Kamaruzaman Omar
Ketua Unit Pemasaran / Eksekutif, Unit Pemasaran
Divisyen Pembangunan Kewangan
Malaysian Industrial Development Finance Berhad

Tel: (03) 2772 1889 / 2173 8640

Fax: (03) 2772 1911

H/P: 011 2628 5315 / 012 377 1325

Email: norazlan@midf.com.my / kamaruzaman.omar@midf.com.my